



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 08/2024**

### **PERKHIDMATAN AIR DAN PEMBETUNGAN DIKECUALI DARIPADA CAJ CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)**

---

**PUTRAJAYA, 1 MAC 2024** - Seramai lapan (8) juta pengguna perkhidmatan bekalan air (87% domestik & 13% bukan domestik) di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan menikmati pengecualian kenaikan caj SST berkuatkuasa mulai hari ini.

Selain itu, **seramai 4.7 juta lagi pengguna perkhidmatan pembetulan** di seluruh Semenanjung Malaysia & Wilayah Persekutuan Labuan, **juga tidak terkesan dalam kenaikan caj berkenaan.**

Kerajaan akan terus komited dan prihatin bagi memastikan keperluan asas rakyat diutamakan.

Kementerian juga ingin mengingatkan orang awam untuk menggunakan air secara berhemat terutama ketika negara sedang berhadapan dengan musim panas dan kering di kebanyakan negeri.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR  
(PETRA)  
1 MAC 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

PETRAMALAYSIA

